

15 Februari 2019

Kepada Reverend, Pastor dan Pelayan,

Panggilan untuk Mengucap Syukur & Perhimpunan Doa Untuk Musim yang Baru dalam hadirat-Nya

Salam di dalam nama yang tidak dapat ditandingi, Yesus Tuhan kita!

Yesus menyembuhkan 10 orang kusta tetapi hanya "**satu orang sahaja... yang kembali**, ... tersungkur di depan kaki Yesus dan **mengucap syukur** kepada-Nya" (Lukas 17:15-16). Kita semua memahami kepentingan **mengucap syukur**. Oleh kerana itu, sebaliknya untuk mengadakan Hari Pertobatan yang telah kita adakan selama 5 tahun, kita menyeru kepada semua gereja kali ini untuk mengadakan **Perhimpunan Doa dan Pengucapan Syukur (TPR) atas kebaikan Tuhan bagi kita semua** terutama sekali untuk tahun yang lepas. Perhimpunan ini akan menjadi **sebahagian daripada 21 hari Puasa dan Doa** (March 31-April 2019) dan diikuti dengan Hari Minggu Kebangkitan pada 21 April 2019.

Bagaimana Perhimpunan Doa dan Pengucapan Syukur (TPR) diadakan?

Seperti yang diadakan pada tahun yang lalu, kita mendorong setiap orang untuk melibatkan diri. Gereja anda sama ada boleh ...

- 1) Mengadakan Perhimpunan (TPR) secara sendiri dengan anggota jemaat ATAU
- 2) bergabung dengan beberapa gereja untuk mengadakan Perhimpunan Gabungan (TPR) ini.

Anda boleh muat turun format yang dicadangkan untuk Perhimpunan Doa dan Pengucapan Syukur (TPR) beserta dengan bahan doa dalam format powerpoint dari laman web kami : <http://agpc.org.my/>

Tema tahun ini : **Musim Baru dalam Hadirat-Nya**

Tarikh: **April 6, 2019 (Sabtu)** atau tarikh lain yang berdekatan dengan tarikh ini, menurut pilihan gereja anda. Masa ini juga merupakan perayaan memperingati pengorbanan (yang dilalui oleh) Tuhan maka adalah sangat sesuai untuk kita mengadakan pengucapan syukur kepada-Nya.

Ia juga merupakan Sabtu yang pertama dalam 21 Hari Puasa & Doa kita. Sumber disertakan untuk kegunaan anda.

Sila hubungi **penyelaras AGPC di daerah anda** untuk sebarang bantuan yang anda perlukan. Mereka bersedia membantu anda dalam apa jua cara yang mereka boleh:

Penyelaras:		
Daerah Utara:	Rev Marcus Tan	04 658 4404
Central:	Rev Ebenezer	012 674 5081
KL – East:	Rev Stephen Kong	012 398 3835
Daerah Selatan:	Rev Teo KK	012 214 1430
Daerah Malaysia Timur:	Rev John Lim	016 273 0400
Bahasa Cina:	Rev Janey Hii	012 933 2790
Bahasa Malaysia:	Rev Eric Lee	016 415 3351
Bahasa Tamil:	Rev Arokianathan	016 319 1175



THE ASSEMBLIES OF GOD OF MALAYSIA (P.U. 138/1968)
OFFICE | 95, Jalan Gasing, Seksyen 10, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
POSTAL ADDRESS | P.O. Box 499, Jalan Sultan, 46760 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel | 603-7956 5195 / 205 (General Line) Fax | 603-7955 0471

www.ag.org.my

Apabila Yesus melihat hanya seorang kusta sahaja yang kembali untuk mengucap syukur, Dia bertanya: "... Di manakah yang sembilan orang itu? Semoga kita selalu dihitung sebagai **orang yang ingat untuk kembali memberi pengucapan syukur.**

Julius Suubi memberitahu kita,

"Sebelum anda mendapatkan strategi yang seterusnya, anda harus mengucap syukur untuk penerobosan yang sudah berlaku... Masih lagi terdapat banyak tugas yang harus dilakukan di Malaysia dan untuk mendapatkan wahyu baru, kita perlu **mengadakan pengucapan syukur yang setanding dengan tahap penerobosan kita.**

Buat masa kini, terdapat satu pintu gerbang yang semakin luas dan terbuka atas Malaysia. Penguasa yang mengontrol sistem telah dilemahkan dan ini adalah waktu untuk **gereja mengambil kesempatan untuk menunggang di atas gelombang yang datang supaya kita dapat menolak keluar kuasa kegelapan itu.** Sebaik sahaja anda dapat menguasai ruang rohani, anda perlu berjuang sehingga selesai. Itulah sebabnya **Yosua menyuruh matahari berhenti** supaya dia dapat memaksimumkan kegunaan kesempatan yang dia telah perolehi."

Sila hubungi Penyelaras Daerah / Bahasa anda untuk Perhimpunan Pengucapan Syukur & Doa serta bincang pelaksanaannya bersama mereka. Marilah kita saling mendorong satu sama lain di dalam Tuhan!

Percaya bersama untuk negara kita

Connie Ng

Rev. Connie Ng
Penyelaras Mezbah Doa AGPC

cc. Rev. Teo Kwee Keng
Pengerusi AGPC